

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM
[PORT DICKSON]**

TARIKH : 11.11.2019 (ISNIN)

SOALAN

minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan tindakan terkini yang dilakukan oleh Kementerian bagi membantu rakyat miskin terutama penduduk di luar bandar di Sabah dan Sarawak yang majoritinya masih di tahap yang amat membimbangkan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, mengikut Laporan Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah dan Kemudahan Asas 2016 yang disediakan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, insiden kemiskinan di luar bandar pada tahun 2016 adalah pada kadar 1% berbanding 2014 pada kadar 1.6%. Kementerian turut mengambil maklum insiden kemiskinan yang lebih tinggi di luar bandar Sabah dan Sarawak iaitu masing-masing 5.3% dan 1.1% pada tahun 2016.

Salah satu matlamat Dasar Pembangunan Luar Bandar 2030 (DPLB 2030) yang dilancarkan pada 27 Jun 2019 yang lalu adalah untuk meningkatkan kesejahteraan penduduk luar bandar dari segi ekonomi, sosial, budaya dan persekitaran. Dalam hal ini, Kementerian telah melaksanakan program khusus untuk membantu penduduk luar bandar di dalam kategori miskin dan miskin tegar seperti Program Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT), Program Latihan Kemahiran dan

NO. SOALAN : 23

Kerjaya (PLKK), Program Peningkatan Pendapatan (PPP) serta program-program keusahawanan termasuk di bawah agensi KPLB seperti KEMAS, MARA dan Lembaga Kemajuan Wilayah bagi membantu meningkatkan pendapatan isi rumah penduduk di luar bandar.

Untuk makluman Yang Berhormat, dari bulan Mei 2018 sehinggalah 30 September 2019 sejumlah RM3.50 billion peruntukan pembangunan telah diluluskan bagi kedua-dua negeri Sabah dan Sarawak.

Bagi negeri Sabah, pada tahun 2018 sahaja sejumlah RM970.39 juta telah diperuntukkan bagi melaksanakan 90 program/projek bagi manfaat masyarakat luar bandar Sabah. Manakala, bagi tahun 2019 pula, sejumlah 127 program/ projek telah diluluskan melibatkan 29 program/ projek baru dan 98 program/ projek sambungan dengan peruntukan berjumlah RM1.09 billion.

Untuk negeri Sarawak pula, sejumlah 84 program/ projek telah diluluskan pada tahun 2018 melibatkan peruntukan berjumlah RM756.18 juta. Pada tahun ini pula, terdapat 109 program/ projek telah diluluskan melibatkan 25 program/ projek baru dan 84 projek sambungan dengan peruntukan berjumlah RM690.89 juta. Sukacita ingin saya maklumkan kepada Yang Berhormat bahawa jumlah peratusan peruntukan Pembangunan yang diluluskan bagi kedua-dua negeri Sabah dan Sarawak bagi tahun 2018 dan 2019 adalah melebihi separuh daripada peruntukan Kementerian ini.

Selain itu, Kementerian juga telah mengenal pasti 13 daerah di Sarawak dan 5 daerah di Sabah yang mempunyai pendapatan purata bulanan di bawah RM4,000 di mana penumpuan pembangunan akan diberikan kepada kampung-kampung di dalam daerah tersebut terutamanya yang berkaitan dengan program-program pembangunan ekonomi yang boleh meningkatkan pendapatan dan taraf hidup penduduk di kampung tersebut. Kementerian juga sedang meneliti cadangan program-program baharu untuk dilaksanakan di bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas khusus untuk meningkatkan pendapatan penduduk luar bandar, seperti mana yang telah digariskan di bawah DPLB 2030.

Sekian, terima kasih.